KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUTHARGA PDTK/PF/NEGERI/MARRIS/NO.6/2015

1. Tawaran Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor dan di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Kelas **'F'** atau Gred GI, Kategori CE01 dan CE21 yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini akan diterima **PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG, 41902 KLANG** (Bahagian Pembangunan) hingga pukul 12.00 tengahari pada 11 Februari 2015 bagi kerja seperti berikut:

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN,
KG. PEREPAT

2. Naskah tawaran boleh dirujuk terlebih dahulu di kaunter, Bahagian Pembangunan, Aras 1, Pejabat Daerah / Tanah Klang semasa waktu bekerja sebelum membuat pembelian.

3. Borang / Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga RM10.00 dengan menggunakan *online banking / credit card* melalui sistem e-tender / sebutharga melalui laman sesawang http: //tender.selangor.gov.my.

4. Sampul Borang Sebutharga mestilah dijudulkan seperti yang ditetapkan dan borang sebutharga tawaran tersebut hendaklah dimasukkan dalam Peti Tawaran di PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG, ARAS 1 (BAHAGIAN PEMBANGUNAN) 41902 KLANG, sebelum masa tawaran ditutup. Borang sebutharga yang lewat dikembalikan **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk menyertai sebutharga ini.

5. Kerajaan tidak semestinya menerima Sebutharga yang paling rendah atau pun terikat kepada sebarang Sebutharga.

CONTOH

Tarikh: 4 Februari 2015

……t.t……
(MARYATUL KIPTIAH BINTI HAMZAH)
Penolong Pegawai Daerah
(Pembangunan)
b.p. Pegawai Daerah Klang

PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG,
JALAN KOTA,
41902 KLANG.

Telefon: 33711963/33719028

LAMPIRAN C

SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN / KERJA)

Sila tandakan [√] **bagi dokumen-dokumen yang disertakan**

Bil	Perkara / Dokumen (wajib disertakan)	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kerja		
2.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Akta Pendaftaran Syarikat Perniagaan 1956 (SSM)		
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) (3) bulan sebelum		
4.	Borang Sebutharga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani		
5.	Borang Maklumat Penyebut Harga		
6.	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
7.	Borang Akuan Pembida ditandatangani		
8.	Resit Sistem Tender Selangor		
9.	Senarai Kakitangan Teknikal & Yang Berkaitan		
10.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir		
11.	Maklumat Aset Syarikat (Bilangan Jentera)		
12.	Maklumat Pengalaman Kerja (5 tahun)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :……..

Nama : ……..

Jawatan:……

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil…… (jika ada)

Tandatangan:……..

Nama: ……

Jawatan : ……

Tarikh : ……

Tandatangan:……..

Nama: ……

Jawatan : ……

Tarikh : ……

CONTOH

SEBUTHARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	**PDTK/PF/NEGERI/MARRIS/NO.6/2015**
PEMBORONG BUMIPUTRA SAHAJA	

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PDTK/PF/Negeri/Marris/No.6/2015

Tarikh :

Sebutharga adalah diterima di Pejabat Daerah / Tanah Klang (Bahagian Pembangunan) sehingga pukul 12.00 tengahari 11 Februari 2015 bagi kerja-kerja berikut:

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

Nama Kontraktor : ……

Alamat : ……

……

……

No. Telefon : ……

Tuan,

Pejabat ini menjemput tuan mengemukakan sebutharga untuk kerja di atas. Sila kemukakan Borang Sebutharga yang telah diisi di dalam sampul surat yang telah dimeterai dan masukkan ke dalam peti sebutharga pejabat yang mengeluarkan borang tersebut.

2. Sila tulis dibahagian atas sampul surat berukuran 9" X 12" **Nama**, **Nombor Sebutharga, masa** dan **tarikh tutup** seperti yang disebut di atas dan alamat pejabat yang mengeluarkan sebutharga. Dokumen Sebutharga tidak boleh dilipat.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

……t.t……

(MARYATUL KIPTIAH BINTI HAMZAH)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
b.p. Pegawai Daerah Klang

CONTOH

Tajuk Sebutharga: **MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT**

1. **HAK KERAJAAN MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

2.1 **Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :

(a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,

(b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebutharga,

(c) Senarai Kerja,

(d) Tandatangan Perakuan kepada Syarat-syarat Am yang dikenakan.

(e) Tandatangan kepada Bidang Kerja Utama

(f) Tandatangan kepada Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 **Penyerahan Dokumen Sebutharga**

(a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga.

(b) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, tidak akan dipertimbangkan.

(c) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tata-tertib.

CONTOH

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

2. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Petender sendiri.

3. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Petender tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya kontraktor menarik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

CONTOH

BUTIRAN SEBUTHARGA

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

BIL.	BUTIRAN	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH (RM)
1.0	**KEHENDAK PERMULAAN, SYARAT-SYARAT AM DAN KEPERLUAN DI TAPAK.** <u>Keperluan-keperluan didalam syarat-syarat kontrak 203A (semakan 2007)</u>				
	1.1. Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation) dan Kerja (Public Libility/Contractor's All Risk)	H/pukal	-	_____	_____
	1.2. Gambar-gambar digital saiz 3R (30 keping) menunjukkan kemajuan kerja **sebelum, semasa** dan **selepas** kerja siap dilaksanakan.	Bil.	2 set	100.00	200.00
	1.3. Bekal dan pasang papan tanda projek berukuran 1.2M X 1.0M seperti plan/lukisan dilampiran.	Bil.	1.0	500.00	500.00
	1.4. Kos sewaan jentera dan tenaga buruh termasuk kos mobilasasi dan demobilasasi untuk semua loji, peralatan dan tenaga kerja sepanjang tempoh kerja di jalankan ;-				
	i. Jentera 'Backpusher'	Bil	1	_____	_____
	ii. Jentera paver	Bil	1	_____	_____
	iii. Jentera '*tandem roller"*	Bil	1	_____	_____
	iv. Jentera 'Pneumatic tyre roller'	Bil	1	_____	_____
	v. Kos Mobilasasi dan demobilasasi / Pengangkutan Jentera.	H/Pukal	1	_____	_____
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TAWARAN				_____

CONTOH

BUTIRAN SEBUTHARGA

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

BIL.	BUTIRAN	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH (RM)
2.0	**KERJA-KERJA MEMPERBAIKI JALAN** Membekal segala peralatan, jentera, pekerja, loji dan sebagainya untuk melaksanakan kerja-kerja berikut mengikut penentuan kerja bagi memperbaiki permukaan dan menurap jalan seperti diarahkan oleh Pegawai Penguasa:				
	2.1. **Pemotongan Rumput di bahu jalan** Memotong rumput 1M dari jalan di kedua-dua belah bahu jalan serta membersihkan rezab jalan dengan memotong pokok/dahan-dahan yang menghalang dan dibuang ketempat yang disediakan kontraktor.	M2	900	_____	_____
	2.2. **Kerja-kerja menyerak tack-coat** Membekal dan menyerak 'Bituminous Emulsion Tack Coat' termasuk peralatan berkaitan dan kerja-kerja menyerak tack coat yang disembur pada kadar 0.5 liter/meter persegi pada permukaaan jalan sedia ada menggunakan 'motorized colpave spayer' mengikut piawai spesifikasi yang ditetapkan .	m2	1,642.5	_____	_____
	2.3. **Menurap 'Asphaltic Concerete Wearing Course -14mm'** Membekal, menghampar, merata dan memadatkan satu lapisan premix 'Asphaltic Concrete Wearing Course – 14mm' setebal **50mm** (compacted thicknes) mengikut piawaian spesifikasi yang ditetapkan. (saiz jalan : 450m x 3.65m) **NOTA:** a. Lapisan premix hendaklah dipadatkan menggunakan roller 4 - 6 tan dan sekurang-kurangnya hendaklah dipadatkan sebanyak 8 kali laluan sehingga tidak berlaku pergerakan pada permukaan akibat 'camber' untuk mengelakkan adanya air bertakung.	m2	1,642.5	_____	_____
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TAWARAN				_____

CONTOH

BUTIRAN SEBUTHARGA

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

BIL.	BUTIRAN	UNIT	KUANTITI	KADAR	JUMLAH (RM)
3.0	**PENGUJIAN DI TAPAK DAN MAKMAL**				
	3.1 Membuat ujian Coring untuk menentukan ketebalan	Bil	4	_____	_____
4.0	**PAPAN TANDA NAMA**				
	4.1 Membekal dan memasang tanda nama jalan seperti dilukisan yang dilampirkan.	Bil	1	_____	_____
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TAWARAN				_____

CONTOH

RINGKASAN TAWARAN

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

BIL.	BUTIRAN KERJA	M/SURAT	JUMLAH (RM)
1.0	**KEHENDAK AM DAN SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA**	BQ/1/3	_____
2.0	**KERJA MEMPERBAIKI JALAN**	BQ/2/3	_____
3.0/4.0	**PENGUJIAN DI TAPAK DAN MAKMAL DAN SIGNBOARD NAMA JALAN**	BQ/3/3	_____
	JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA		==========

(Ringgit Malaysia: ……

……)

Tempoh siap kerja: ……. (minggu)

…… **……**

(Tandatangan Kontraktor) **(Tandatangan Saksi)**

Nama Penuh : …….. **Nama Penuh: ……..**

No. K.P. :…….... **No. K.P. : ……..**

Tarikh : …….. **Meteri dan Cop kontraktor**

CONTOH

BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	**PDTK/PF/NEGERI/MARRIS/NO.6/2015**
SPESIFIKASI ADDENDA	

MENURAP SEMULA JALAN PEREPAT 22, JALAN KEBUN BARU, KG. PEREPAT

1. Penyediaan Tapak Bina

Pihak Pemborong / Kontraktor hendaklah memastikan segala keperluan, kelengkapan mesin dan peralatan serta lain-lain yang berkaitan bagi kerja di tapak perlu dipatuhi seperti arahan Pegawai Penguasa di tapak.

2. Pemotongan Rumput di bahu jalan

Pihak Pemborong / Kontraktor dikehendaki memotong, membersih dan menggred semula bahu jalan melibatkan kerja penggredan semula aras permukaan, membentuk dan memadat bahu jalan sedia ada serta membersih dan membuang tumbuhan dari tapak bina ke tempat pembuangan yang disediakan oleh Pemborong / Kontraktor.

Penggred bermotor atau alatan lain digunakan untuk penggredan semula aras permukaan, diikuti dengan pemadatan menggunakan mesin penggelek.

3. Pembersihan permukaan tapak permukaan jalan

Pihak Pemborong / Kontraktor dikehendaki membuat pemotongan pada mana-mana permukaan jalan yang telah retak, pecah dan rosak dengan menggunakan peralatan dan jentera yang sesuai. Kemudian dari itu adalah dikehendaki untuk merawat permukaan 'base jalan' dengan menambak dan memadatkan 'crusher run' yang sesuai seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa di tapak. Memastikan permukaan tapak adalah bersih dan kering serta tiada sebarang kotoran yang mengganggu kerja.

4. Rekabentuk campuran (Mix Design)

Pihak Pemborong / Kontraktor adalah dikehendaki untuk membuat penentuan bagi campuran bitumen dan agreged yang dapat menghasilkan bahan penurapan jalan yang berdaya tahan sebelum memulakan kerja penurapan dan memaklumkan pada Pegawai Penguasa bagi persetujuan dan kelulusan. Pihak Pemborong / Kontraktor dikehendaki membuat penentuan dan pematuhan 'Job Mix Formula (JMF)' sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada kuari-kuari pembekal yang diiktiraf oleh JKR seperti di lampiran.

5. Semburan 'Bituminous Emulsion Tack Coat'

Pihak Pemborong / Kontraktor adalah dikehendaki dan sentiasa memastikan permukaan jalan bersih dari sebarang kotoran atau benda asing dan juga memastikan permukaan jalan adalah dalam keadaan kering sebelum kerja semburan 'tack coat' dilakukan. Adalah tidak dibenarkan semburan dilakukan pada atau semasa waktu cuaca hujan. Jenis 'tack coat' yang dibenarkan oleh Pegawai Penguasa di tapak adalah dari jenis 'Bituminous Emulsion Tack Coat Rapid Setting Grade 1 Kationic atau RS-1K' (50% Bitumen / 50% air) dengan mematuhi piawaian Malaysian Standard – (MS-161). Semburan 'tack coat' hendaklah dilakukan dengan cara semburan rata pada keseluruhan permukaan jalan dan tidak dilakukan dengan cara semburan berbelang/bertompok/tidak rata. Setelah semburan 'tack coat' selesai dilakukan dengan kaedah yang betul, dan keadaan cuaca yang baik dan kering, maka waktu set 'tack coat' adalah dalam tempoh 30 minit ke 45 minit atau setelah keseluruhannya bahan kandungan air dari campuran 'tack coat' telah meruap keluar dan kandungan bitumen telah set dan berwarna kehitaman. Suhu 'tack coat' di antara 25◦C sehingga 45◦C semasa semburan dilakukan.Sekiranya berlaku hujan semasa kerja semburan sedang dalam pelaksanaan, adalah dikehendaki memberhentikan kerja tersebut dan perlu mengulangi proses tersebut dalam cuaca yang kering. Kuantiti semburan hendaklah mematuhi arahan iaitu di antara kadar semburan 0.25-0.55 / liter persegi disembur rata pada permukaan bersih dan kering.

CONTOH

6. Turapan "Asphaltic Concrete Wearing Course – (ACWC-14mm)

Pihak Pemborong / Kontraktor adalah dikehendaki sebelum melaksanakan kerja turapan perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Penguasa di tapak bagi menentukan pilihan memilih kuari yang membekalkan premix mendapat kelulusan dan diiktiraf oleh JKR Malaysia di dalam negeri Selangor seperti yang dilampirkan. Setelah dipersetujui kemudiannya pihak Pemborong / Kontraktor adalah dikehendaki membuat "trial mix" di kuari yang dipilih bagi mendapatkan 'grading-sieve analysis' 'Bitumen content' dan menetapkan rekabentuk turapan melalui 'Job Mix Formula' (JMF) bagi mendapat kelulusan Pegawai Penguasa. ' Design Bitumen Content' yang perlu dipatuhi bagi 'AC14-Wearing Course adalah 4.0-6.0%. Setelah mendapat rekabentuk turapan dan 'rolling pattern' yang dipersetujui, kerja-kerja penurapan 'ACWC-14mm' hendaklah dilakukan dengan mematuhi spesifikasi penurapan.

7. Kerja Pemampatan & Pemadatan Asphaltic Wearing Cource-ACWC 14mm & Suhu Asphalt

Pihak Pemborong / Kontraktor adalah dikehendaki memastikan semua jentera dan peralatan lengkap dan berfungsi dengan baik sebelum memulakan kerja penurapan dan pemampatan. Jentera Paver perlu mempunyai kelebaran di antara 2.5m-3.75m, Jentera Tandem Roller perlu mempunyai berat sehingga 8 tan ke 10 tan dan Jentera Pneumatic Tyred Roller perlu mempunyai berat tidak kurang 15 tan serta berfungsi dengan baik. Semasa kerja penurapan hendaklah dilakukan oleh pihak Pemborong / Kontraktor perlu memastikan suhu asphalt atau premix di atas lori perlu tidak kurang dari 130◦C dan perlu memastikan suhu asphalt di dalam jentera paver tidak kurang 130◦C serta perlu memastikan suhu asphalt semasa pemampatan dan pemadatan tidak kurang dari 120◦C. Bagi memastikan turapan mengikut spesifikasi kaedah pemampatan perlu mematuhi corak gelekan ('volling pattern') seperti 2 (static)-2(vibrate)-12 (Tyre Roller)2-(static) atau 2-2-12-2 bagi memastikan nilai ketumpatan premix mematuhi kehendak spesifikasi iaitu 98-100% dari Marshall Density bagi Asphaltic Wearing Course (ACWC).

8. Pengujian Sampel

Dalam suhu 24 jam selepas pemadatan, sampel hendaklah diambil sekurang—kurangnya 1 (satu) sampel bagi setiap 500$_{m2}$ dan tidak kurang dari 2 (dua) sampel bagi setiap sesi turapan. Sampel tersebut hendaklah digunakan untuk menentukan ketebalan dan ketumpatan lapisan terpadat selepas pemadatan. Sampel yang diambil perlu dibawa ke makmal-makmal yang diiktiraf oleh SIRIM.

CONTOH

AMALAN BAIK DALAM KERJA TURAPAN DAN SENGGARA JALAN

KUARI

KETUA PENGARAH KERJA RAYA
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 2610 7001
Faks : (03) 2698 8187
Laman Web : http://www.jkr.gov.my

Rujukan Kami : (148)dlm.JKR.CSFJ.600-17/7 Jld.25
Tarikh : 3 April 2014

SENARAI SEPERTI EDARAN

Y.Bhg Dato'/ Tuan,

PENGIKTIRAFAN KUARI YANG MEMATUHI SPESIFIKASI JKR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. JKR Malaysia telah menjalankan auditan ke atas semua kuari di Semenanjung Malaysia yang menghasilkan asphalt bagi kerja penurapan jalan. Tujuan auditan ini dijalankan adalah bagi meningkatkan kualiti kerja penurapan jalan berdasarkan Spesifikasi Piawaian Jalan JKR/SPJ/1988 klausa 4.2.4.4(b) atau JKR/SPJ/2008-S4 klausa 4.3.3.4(b), Asphalt Mixing Plant.

3. Hasil auditan yang dijalankan setakat ini, terdapat **104 kuari** yang diiktiraf layak menghasilkan asphalt bagi kerja penurapan jalan untuk projek-projek JKR. Kuari-kuari tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**. Senarai kuari ini akan dikemaskini dan dihantar kepada pihak Y.Bhg Dato'/ Tuan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' Ir. ANNIES BIN MD ARIFF)
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur
b/p Ketua Pengarah Kerja Raya

CERTIFIED TO ISO 9001:2000 CERT NO.: AR 0561
CERTIFIED TO ISO 14001:2004 CERT NO.: SR 0251

2

SURAT PENGIKTIRAFAN KUARI DARI JKR MALAYSIA

SEBUTHARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	**PDTK/PF/NEGERI/MARRIS/NO.6/2015**

SPESIFIKASI ADDENDA

KUARI

Bil	Nama Kuari	Lokasi	Daerah	Tarikh Tamat Pengiktirafan
1.	Sunway Quarry Industries Sdn Bhd	Semenyih	Hulu Langat	14 Mei 2015
2.	Kajang Rocks Innopave Premix sdn bhd	Semenyih	Hulu Langat	28 Julai 2015
3.	Sunway Quarry Industries Sdn Bhd	Rawang	Gombak	26 Mei 2015
4.	Blacktop Industries Sdn Bhd	Rawang	Gombak	1 April 2015
5.	Hanson Quarry Products Sdn Bhd	Sg. Samak Rawang	Gombak	9 Disember 2015
6.	Blacktop Industries Sdn Bhd	Salak Tinggi	Sepang	1 April 2015
7.	Setia Premix Sdn Bhd	Jalan Kapar	Klang	26 Jun 2015
8.	Hanson Quarry Products Sdn Bhd	Kg. Jawa	Klang	3 Disember 2015
9.	Hanson Quarry Products Sdn Bhd	Cheras	Hulu Langat	22 Julai 2015
10.	Minetech Premix Sdn Bhd	Tanjung 12	Kuala Langat	12 September 201
11.	Lingkaran Premix Sdn Bhd	Rawang	Gombak	26 Jun 2015
12.	Sungai Long Industries Sdn Bhd	Jalan Hulu Langat	Hulu Langat	22 Julai 2015
13.	YTL Premix Sdn Bhd	Sg. Long	Hulu Langat	26 Mei 2015
14.	Hanson Quarry Products Sdn Bhd	Semenyih	Hulu Langat	26 September 201
15.	Hanson Quarry Products Sdn Bhd	Bukit Lagong Sg. Buloh	Gombak	22 September 201
16.	Spring Energy Sdn Bhd	Tanjung 12	Kuala Langat	23 Disember 2015

SENARAI KUARI YANG DIIKTIRAF OLEH JKR MALAYSIA DI SELANGOR

KUARI BLACKTOP INDUSTRIES SDN BHD DI SALAK TINGGI, SEPANG

GRADING - SIEVE ANALYSIS

TABLE 4.3.3 GRADATION LIMITS FOR ASPHALTIC CONCRETE

Mix Type	Wearing Course	Wearing Course	Binder Course
Mix Designation	AC 10	AC 14	AC 28
BS Sieve Size (mm)	Percentage Passing by Weight		
28.0			100
20.0		100	72 – 90
14.0	100	90 – 100	58 – 76
10.0	90 – 100	76 – 86	48 – 64
5.0	58 – 72	50 – 62	30 - 46
3.35	48 – 64	40 – 54	24 – 40
1.18	22 – 40	18 – 34	14 – 28
0.425	12 – 26	12 – 24	8 – 20
0.150	6 – 14	6 – 14	4 – 10
0.075	4 - 8	4 - 8	3 - 7



CONTOH GARISAN LENGKUNG GREDAN BAGI AC 14

JKR MIX

REKABENTUK PREMIX MENGIKUT SPESIFIKASI JKR

TABLE 4.3.4: DESIGN BITUMEN CONTENTS

AC 10 – Wearing Course	5.0 – 7.0 %
AC 14 – Wearing Course	4.0 – 6.0 %
AC 28 – Binder Course	3.5 – 5.5 %

JKR/SPJ/2008-S4

SEBUTHARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	**PDTK/PF/NEGERI/MARRIS/NO.6/2015**

UKURAN PAPAN TANDA

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

UKURAN PAPAN TANDA



SEBUTHARGA BAHAGIAN:	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
NO. SEBUTHARGA:	**PDTK/PF/NEGERI/MARRIS/NO.6/2015**
ARAHAN KEPADA PENENDER / PENYEBUTHARGA	

Pegawai Daerah Klang
Jalan Kota,
41902 Klang

Tuan,

MENURAP SEMULA JALAN KEBUN BARU TAMBAHAN, KG. PEREPAT

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Petender, Syarat-Syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal RM ……Ringgit Malaysia…….

……

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa …….. Minggu, dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada …… haribulan …….

T/Tangan: …… (Kontraktor)

T/Tangan: …… (Saksi)

Nama Penuh : …….

Nama Penuh : …….

No. Kad Pengenalan : ……...

No. Kad Pengenalan : ……

Atas Sifat …….

…….
Meteri atau Cop Kontraktor.

CONTOH

SENARAI PENGALAMAN KERJA

Senarai pengalaman kerja yang TELAH disiapkan dalam tempoh 5 tahun.

Nama Projek	Jabatan/Agensi Perunding yang Mengawasi	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

CONTOH

Senarai Kerja Yang SEDANG dilaksanakan

Nama Projek	Jabatan/Agensi Perunding yang Mengawasi	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

CONTOH

Senaraikan Nama-Nama Pekerja Binaan

Bil	Nama Pekerja	No. Kad Pengenalan	Umur

Senaraikan Bilangan Aset Jentera Yang Dimiliki Sendiri

Bil	Nama Jentera	Jumlah (Unit)

CONTOH

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN PEMBIDA

(…….)

Saya,……....nombor K.P…….……..yang mewakili (……) nombor Pendaftaran (……..) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG** tender / sebutharga / cabutan undian / lantikan terus atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebutharga* di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi tender / sebutharga* di atas; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga / cabutan undian / lantikan terus seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

…….

Nama:

No.K/P:

Cop Syarikat :

Catatan :

i. * Potong mana yang tidak berkenaan.

ii. Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

CONTOH

PEMATUHAN SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

1.1 Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

Kontraktor dikehendaki mengambil Insurans-insurans berikut bagi sepanjang tempoh kerja dijalankan.

2.1. Insurans Tanggungan Awam (Public Liability) meliputi kerosakan kepada:

a) Harta benda awam.

b) Kemudahan awam seperti kabel TNB, STMB, Paip Air dan lain-lain.

Insurans di atas nama kontraktor dan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan / Kerajaan Malaysia. Jumlah kemalangan hendaklah tiada terhad bagi sepanjang tempoh kontrak.

2.2 Insurans Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation*) di atas nama kontraktor dan Kerajaan Selangor Darul Ehsan/Kerajaan Malaysia dengan nilai polisi tidak kurang 30% dari harga kontrak.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran permium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota-nota Perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah,Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasa 9 (d).

CONTOH

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya. Sebarang penambahan kerja yang tidak tercatat dalam syarat tawaran, Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK) tidak akan bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran.

3.2 Kontraktor juga hendaklah mematuhi jadual projek iaitu tarikh mula dan tarikh siap dan sekiranya kontraktor menghadapi sebarang masalah hendaklah merujuk kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK).

3.3 Kontraktor hendaklah melaporkan kepada Juruteknik Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK) dan pihak pelanggan sebaik sahaja kerja-kerja dimulakan. Kontraktor hendaklah sentiasa memberikan maklumbalas tentang perkembangan projek dan mudah dihubungi dengan mengemukakan nombor telefon terkini dan alamat pejabat tetap.

3.4 Kerja-kerja yang dilaksanakan perlu kemas dan menepati prosedur yang betul. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian :-

3.4.1 Kekemasan semasa dan sesudah kerja-keraja dilaksanakan

3.4.2 Untuk kerja-kerja mengecat, warna cat hendaklah dipersetujui oleh Pejabat Daerah/Tanah Klang (PDTK) dan cat digunakan hendaklah bersesuaian dengan penjenisan cat sama ada kayu atau simen.

3.4.3 Sisa-sisa bahan pembinaan hendaklah dibersihkan dan tidak boleh ditinggalkan sama sekali.

3.4.4 Semasa kerja-kerja projek sedang dijalankan barang-barang dan alatan kerja perlulah disimpan dengan kemas dan teratur untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan yang tidak diingini.

4. PEMILIKAN TAPAK DAN KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Inden dikeluarkan dan hendaklah mengikut arahan & kelulusan Pegawai Inden atau wakilnya. Jika kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari tanpa sebarang sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor mengikut syarat-syarat pendaftaran.

CONTOH

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

5.1. Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan,barang dan mutu hasil kerja jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUTHARGA

7.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebutharga atau dalam tempoh kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

CONTOH

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amau yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebutharga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebutharga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA

8.1 Dokumen sebutharga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen sebutharga pada keseluruhan sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnnya dari Dokumen Sebutharga itu.

8.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dihendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :

(a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan ;
(b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah ;
(c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja tanpa apa-apa sebab yang munasabah ;
(d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alas an yang munasabah ; dan
(e) Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. DENDA KELEWATAN KERJA

KATEGORI KELAS CIDB	HAD KOS KERJA	DENDA KELEWATAN SATU (1) HARI
G1	RM20,001-RM50,000	RM50.00
G1	RM50,001-RM200,000	RM100
G2	RM200,001 – RM500,000	RM150.00

Gantirugi yang ditentukan dan ditetapkan *(Liquidated and Ascertained Damages/LAD)* akan dikenakan kontraktor / pembekal sekiranya gagal memenuhi sesuatu obligasi sebutharga yang telah ditetapkan sepertimana ditentukan atau dinilaikan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Pihak Pegawai Penguasa.

CONTOH

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendak kan sesuatu perubahan kerja dengan cara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh tanggungan kecacatan bagi kerja sebutharga ini adalah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau,jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang Inden Asal dan Borang Pengesahan Kerja Siap kepada Pegawai Inden.

CONTOH

14. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

15. PERKHIDMATAN AGENSI-AGENSI LAIN.

Kontraktor dikehendaki menguruskan dan merujuk dengan pihak TNB, TM dan SYABAS tentang pemotongan sementara bekalan semasa pelaksanaan kerja selari dengan perancangan kerja kontraktor. Segala tuntutan atau caj yang dikenakan oleh pihak yang berkenaan hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematunhannya dengan syarat-syarat ini.

17. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

CONTOH

iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan rasuah 1997.

18. PEMBERSIHAN TAPAK

18.1 Apabila kerja siap, segala sampah sarap dan lebihan tanah hendaklah dibersihkan mengikut arahan Pegawai Inden, Pejabat Daerah / Tanah Klang atau wakilnya.

18.2 Pembakaran sampah secara terbuka / longgokan sampah di tapak adalah tidak dibenarkan sama sekali.

19. PENJELASAN LANJUT

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan ke Pejabat:-

PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG,
JALAN KOTA, ARAS 1
41902 KLANG.
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)

20. PENGAKUAN

Saya /Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan: …….. (Kontraktor)	T/Tangan: …… (Saksi)
Nama : ……..	Nama : …….
No. K.P : ……	No. K.P: ……..
Tarikh : ……	Tarikh : …….

CONTOH